

Headline	JKM bantu ringan beban golongan seperti Kak Bi		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	17 Dec 2011	Color	Black/white
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 945
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,835



## JKM bantu ringan beban golongan seperti Kak Bi

**J**OHOR BAHRU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mendapatkan tempat perlindungan sementara untuk penghidap HIV positif yang terbiar walaupun golongan itu bukan penerima bantuan agensi berkenaan.

Pengarah JKM Johor, Khatijah Abdullah berkata, tiada pusat perlindungan bagi menempatkan penghidap HIV positif di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, golongan itu boleh ditempatkan di pusat yang diselenggara pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kami boleh membantu pesakit HIV ditimpa masalah dengan menyerahkan mereka kepada pusat perlindungan swasta diselenggara NGO.

"Penghidap HIV bukan tergolong dalam kumpulan sasaran JKM, namun kami sedaya upaya mem-

bantu meringankan beban mereka," katanya.

Menurutnya, dalam kes itu, pihaknya boleh menyalurkan bantuan bulanan berjumlah RM150 bagi meringankan beban wanita berkenaan, sekali gus mengelakkannya daripada terus terbabit dalam kegiatan tidak bermoral.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kesengsaraan seorang wanita berusia 50 tahun yang terdesak dan tertekan hingga sanggup menggadai maruah diri semata-mata untuk mengisi perut.

Wanita yang dikenali sebagai Kak Bi dikatakan mula melacur selepas kematian suami pada Mac lalu.

Mengulas lanjut penderitaan wanita itu, Khatijah berkata, pihaknya akan membantu memberikan kehidupan baru kepada wanita malang itu jika dia bersetuju berubah.